

KL lepas Labuan capai imuniti kelompok

PUTRAJAYA: Kuala Lumpur menjadi kawasan kedua di negara ini mencapai imuniti kelompok apabila lebih 80 peratus populasi dewasa lengkap menerima dua dos vaksin Covid-19 semalam.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berkata, berdasarkan laporan vaksinasi setakat semalam, kira-kira 85 peratus populasi dewasa di Kuala Lumpur lengkap menerima dua dos vaksin.

Menurut beliau, Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan kedua mencapai imuniti kelompok selepas Labuan pada 27 Julai lalu.

“Ketika ini 92 peratus kelompok dewasa di Labuan menerima dua dos vaksin setakat semalam manakala Putrajaya pula berada pada tahap 74 peratus.

“Kejayaan itu hasil usaha keras pelbagai agensi dan petugas barisan hadapan sejak pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) pada 24 Februari lalu,” kata beliau dalam kenyataan semalam.

Kata Annuar, ketika ini Kuala Lumpur mencapai kapasiti harian 53,000 dos yang dilaksanakan menerusi 196 Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Sementara itu, beliau berkata, trend kes harian di Kuala Lumpur masih menunjukkan peningkatan iaitu kes tertinggi



ORANG ramai bergambar selepas menerima vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Pusat Dagangan Dunia di ibu negara baru-baru ini. - UTUSAN/SHIDDEEQIIN ZON

semalam adalah daripada kategori 1 dan 2 iaitu 2,001 kes (96 peratus) dan selebihnya, iaitu hanya empat peratus atau 78 kes dalam kategori 3, 4 dan 5.

Menurutnya, program vaksinasi berjaya menurunkan bilangan kes yang dibawa masuk ke hospital dan penggunaan katil di Unit Rawatan Rapi (ICU).

“Program Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah turut menjadi salah satu penyumbang utama kepada pencapaian 80 peratus imuniti kelompok dewasa di ibu negara.

“Bermula 7 Jun lalu, Program Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah ini telah berjaya memberikan suntikan vaksin kepada

279,376 warga Kuala Lumpur,” katanya.

Katanya, melalui kejayaan itu, Kuala Lumpur boleh membuat persiapan untuk beralih ke Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) supaya kegiatan ekonomi boleh kembali beroperasi seperti sediakala secara berperingkat.